



PERSETUJUAN DAN SYARAT-SYARAT PEMINDAHAN IKATAN KONTRAK UNTUK BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN

Persetujuan ini dibuat pada tarikh yang dinyatakan di **Bahagian 1 Jadual** Persetujuan ini di antara **PEGAWAI** yang butir-butirnya dinyatakan di **Bahagian 2 Jadual** dan **AGENSI** yang butir-butirnya dinyatakan di **Bahagian 3 Jadual** Persetujuan ini.

Bahwasanya **PEGAWAI** dengan ini bersetuju dengan pemindahan ikatan Perjanjian Biasiswa sebagaimana yang dinyatakan di **Bahagian 4 Jadual** untuk berkhidmat dengan **AGENSI** dan **AGENSI** bersetuju menerima pegawai serta akan menurut syarat-syarat yang dinyatakan dalam Persetujuan ini.

2. **PEGAWAI** dan **AGENSI** berjanji akan mematuhi syarat-syarat berikut:

- (a) **PEGAWAI** maklum bahawa urusan **pemindahan kontrak** ini hanya dibenarkan **sekali sahaja** dan **tidak boleh** membuat permohonan pindah kontrak ke agensi/institusi syarikat kerajaan lain.
- (b) **PEGAWAI** akan berkhidmat dengan **AGENSI** sekurang-kurangnya untuk tempoh sepertimana di **Bahagian 5 Jadual** iaitu **TEMPOH BERKHIDMAT** sebagai ganti perkhidmatan dengan Kerajaan Malaysia.
- (c) **PEGAWAI** tidak akan meletak jawatan daripada perkhidmatan dengan **AGENSI** sebelum tamat **TEMPOH BERKHIDMAT** dan sekiranya **PEGAWAI** meletakkan jawatan, maka **PEGAWAI** dianggap telah melanggar syarat-syarat Perjanjian ibu sebagaimana yang telah **PEGAWAI** dan penjamin-penjamin tandatangani dengan Kerajaan Malaysia di **Bahagian 6 Jadual**. Oleh itu **PEGAWAI** dan penjamin-penjamin boleh dikenakan tuntutan bayaran ganti rugi sepertimana di **Bahagian 7 Jadual** dan apa-apa tuntutan lain yang berbangkit daripada peletakan jawatan tersebut berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
- (d) **AGENSI** tidak akan melepaskan **PEGAWAI** untuk berkhidmat dengan mana-mana Jabatan/institusi syarikat kerajaan lain selain anak syarikat/Jabatan di dalam **AGENSI** tanpa mendapat kelulusan Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam terlebih dahulu.
- (e) **PEGAWAI** dan **AGENSI** bertanggungjawab memberitahu Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam sekiranya **PEGAWAI** meletakkan jawatan atau berhenti berkhidmat di **AGENSI**.

- (f) **AGENSI** akan memberi kerjasama dengan Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam di dalam tindakan mahkamah untuk menuntut ganti rugi sekiranya **PEGAWAI** ini meletakkan jawatan tanpa kelulusan Bahagian Pembangunan Modal Insan Jabatan Perkhidmatan Awam.
- * (h) Persetujuan Pemindahan Ikatan Kontrak ini adalah tidak berkaitan dengan syarat-syarat perjanjian yang telah **PEGAWAI** tandatangani dengan pihak universiti dan **PEGAWAI** berjanji akan membayar keseluruhan ganti rugi/kos sekiranya tuntutan ganti rugi/kos dikenakan ke atas **PEGAWAI** oleh universiti berkenaan.
3. Pemindahan ikatan perjanjian ini berkuat kuasa mulai seperti di **Bahagian 8 Jadual** iaitu pada tarikh **PEGAWAI** melaporkan diri untuk memulakan perkhidmatan di **AGENSI**.

**Hanya terpakai bagi mereka yang diluluskan Cuti Belajar di bawah Program SLAB atau apa-apa perjanjian dengan pihak universiti berkenaan.*

Pada menyaksikan hal di atas, pihak-pihak yang tersebut dalam Persetujuan ini telah menurunkan di sini tandatangan-tandatangan dan meteri-meteri mereka pada hari bulan dan tahun yang mula tertulis di atas.

PEGAWAI

Di hadapan saksi:

Tandatangan:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tandatangan:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

AGENSI

Di hadapan saksi:

Tandatangan:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

Tandatangan:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

Cop Agensi :

Cop Agensi:

JADUAL

BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
1.	Tarikh	
2.	Pegawai	Nama: No. Kad Pengenalan: (Lama) (Baru) Alamat:
3.	Agensi	Nama: Alamat :
4.	Surat Kelulusan Pemindahan Kontrak	No. Rujukan : JPA(L) Tarikh:
5.	Tempoh Berkhidmat di Agensi	
6.	Perjanjian Ibu	No. Rujukan : JPA(L) Tarikh:
7.	Jumlah Gantirugi	RM
8.	Tarikh Lapor Diri Pegawai di Agensi	

UNTUK KEGUNAAN UNIT PENGURUSAN PERJANJIAN:

NO. DAFTAR PERMOHONAN: UPJ / ____ / ____ / J____ / ____